

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 15

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan liputan telefon dan Internet di kawasan luar bandar di seluruh negeri Sarawak dan khususnya di Serian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambilkira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar yang menggunakan peruntukan komersil dan pihak Kerajaan.

Bagi meningkatkan lagi liputan di negeri Sarawak, perancangan dan pencapaian JENDELA setakat Julai 2021 adalah seperti berikut:

- a. Sebanyak 71 menara baharu dengan teknologi 4G telah siap dilaksanakan daripada jumlah 823 menara yang di dalam perancangan;
- b. Menaik taraf 3,013 stesen pemancar sedia ada kepada teknologi 4G. Daripada jumlah tersebut, 1,546 lokasi telah dinaik taraf; dan
- c. Menyediakan capaian jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi kepada 69,636 premis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 ribu premis telah siap dilaksanakan dengan sambungan gentian optik.

Manakala di Parlimen Serian pula, sebanyak 17 menara baharu yang dibina di bawah pelan JENDELA dan daripada jumlah tersebut, terdapat 2 menara telah siap dilaksanakan. Manakala sebanyak 83 stesen pemancar komunikasi sedia ada yang akan dinaik taraf kepada teknologi 4G dan daripada jumlah tersebut, terdapat 16 menara telah siap dinaik taraf. Selain itu, sebanyak 1,862 premis telah siap dilaksanakan dengan sambungan gentian optik.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang

SOALAN NO : 15

mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

Menerusi portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, maklumat yang diperolehi daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Kesemua inisiatif ini memerlukan kerjasama serta tindakan beberapa pihak berkepentingan lain terutamanya pihak Kerajaan Negeri. KKMM bersama MCMC akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu Sarawak Multimedia Authority (SMA) bagi menambahbaik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan inisiatif jalur lebar di negeri Sarawak bagi mengelakkan pertindihan lokasi pelaksanaan.